



“

MEMBANTERAS DENGGI ADALAH TANGGUNGJAWAB SEMUA PIHAK. PERLU DIINGATKAN, SEMBURAN RACUN SERANGGA SEMATA-MATA TIDAK AKAN MENYELESAIKAN MASALAH DENGGI JIKA TEMPAT PEMBIAKAN TIDAK DIHAPUSKAN”

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

BH
16/5/2015
m/s 8

Jaga kebersihan elak ancaman aedes



Oleh Nasuha
Badrul Huzaini
nasuha@bh.com.my

Pihak berkuasa tempatan juga diminta memastikan urusan pelupusan sampah berjalan sempurna dan teratur serta menjalankan aktiviti 'cari dan musnah' tempat

sembilan minggu berikutnya. "Oleh itu, semua pihak sama ada agensi kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat perlu memainkan peranan

» Kes denggi menurun sejak Februari, tanda masyarakat semakin peka serangan



Ummum mengetahui statistik kes demam denggi di negara ini pada tahun lalu meningkat dengan ketara berbanding tahun sebelumnya.

Menurut statistik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sejumlah 108,698 kes dicatatkan pada tahun lalu berbanding hanya 43,346 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2013.

Jumlah kematian berikutan demam denggi yang dicatatkan juga tinggi, iaitu sebanyak 215 kematian berbanding hanya 92 kematian pada tahun 2013.

Langkah proaktif

Bagi membendung situasi yang semakin membimbangkan itu, kerajaan mengambil beberapa langkah proaktif seperti melaksanakan aktiviti pembersihan longgokan sampah dan sisa buangan untuk mengelakkan ia menjadi tempat pembiakan Aedes.

Selain itu, antara aktiviti pencegahan termasuklah memastikan kawasan persekitaran sekolah bersih dan bebas daripada tempat pembiakan Aedes dan meminta pengusaha bas melakukan semburan Aerosol di dalam bas sebelum pelajar naik ke dalam bas.

membiakan aedes di kawasan persekitaran kediaman setiap minggu.

Catat penurunan bermula Februari

Keprihatinan kerajaan dan masyarakat untuk mengurangkan kes demam denggi memberi kesan positif kerana jumlah kes denggi mula menunjukkan penurunan.

Dalam satu kenyataan akhbar baru-baru ini, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah dilaporkan berkata, bermula pertengahan Februari lalu, kes denggi mencatatkan penurunan untuk tempoh

yang proaktif untuk mencegah berlakunya peningkatan kes denggi.

“Aktiviti seperti pemusnahan tempat pembiakan aedes setiap minggu dan gotong-royong secara berkala perlu terus dilakukan untuk mencegah penularan wabak berkenaan,” katanya.

Dr Noor Hisham berkata, tindakan pencegahan diperlukan bagi memastikan kejadian demam denggi diatasi daripada terus berlaku.

“Membanteras denggi adalah tanggungjawab semua pihak. Perlu diingatkan, semburan racun serangga semata-mata tidak





“
KESEDARAN ORANG RAMAI SEMAKIN
MENINGKAT KERANA MEREKA DATANG
AWAL UNTUK MENDAPATKAN RAWATAN
APABILA MENGALAMI DEMAM”

Dr Khairul Idzham Abdul Khalid,
Pengamal Perubatan Swasta

akan menyelesaikan masalah denggi jika tempat pembiakan tidak dihapuskan,” katanya.

Kesedaran awal semakin tinggi

Masyarakat juga semakin mengambil berat dan memantau keadaan kesihatan mereka jika menghidap gejala dan tanda amaran denggi.

Bagi pengamal perubatan swasta, Dr Khairul Idzham Abdul Khalid, kesedaran untuk mendapatkan rawatan awal, mencegah komplikasi dan kematian akibat denggi.

“Sebagai seorang pegawai perubatan yang bertugas di klinik, saya dapat melihat kesedaran orang

ramai semakin meningkat kerana mereka datang seawal yang mungkin untuk mendapatkan rawatan apabila demam.

“Mereka turut bertanyakan simptom demam denggi dan apa cara terbaik untuk menurunkan suhu badan mereka. Malah, ada yang meminta untuk membuat ujian darah bagi memastikan mereka bebas wabak denggi,” katanya kepada BH, baru-baru ini.

Keadaan seperti ini kata beliau, seharusnya berterusan kerana senario sedemikian menunjukkan masyarakat semakin peka mengenai pentingnya menjaga kebersihan bagi menagani wabak berkenaan.

“Orang ramai disaran

supaya memantau keadaan kesihatan mereka jika demam. Ambil perhatian jika wujudnya gejala seperti demam kuat secara mengejut dan berterusan; sakit teruk pada tulang, sendi, otot, biji mata dan kepala; hilang selera makan serta ruam merah pada kulit,” katanya.

Banyakkan minum air

Dr Khairul turut menjelaskan bahawa tiada ubat khusus untuk merawat demam denggi.

“Pada kebiasaannya, pesakit hanya digalakkan untuk mengambil air dalam jumlah yang banyak. Jumlah ini dikira berdasarkan umur, jantina dan berat badan pesakit.

“Selain itu, ada juga pesakit



kit diberikan ubat paracetamol, bertujuan menurunkan demam dan mengurangkan kesakitan.

“Ada juga saranan mencuba jus pucuk betik bagi meningkatkan jumlah platelet dalam darah mereka untuk mengelakkan komplikasi pendarahan.

“Komplikasi yang paling ditakutkan adalah berlakunya *hypovolemic shock* yang mana tekanan darah dan denyut nadi menjadi rendah akibat kekurangan air dalam badan.

“Sekiranya pesakit mengalami muntah, cirit-birit dan sakit perut berterusan, pesakit perlu segera mendapatkan rawatan di klinik atau hospital berhampiran,” katanya.

